

**NO. SOALAN: 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN  
HAJI IBRAHIM [ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH : 15 JUN 2015**

**RUJUKAN : 7956**

**SOALAN:**

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah tindakan Kementerian selaras dengan Akta Pencegahan Keganasan (POTA) yang diluluskan di Parlimen baru-baru ini dalam menangani puak-puak pelampau dalam kalangan masyarakat sebelum kegiatan mereka ini bertukar menjadi ancaman serius kepada keamanan dan kestabilan negara.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Rang Undang-Undang Pencegahan Keganasan (POTA) 2015 baru sahaja diluluskan di kedua-dua buah Dewan pada sesi persidangan Parlimen yang lepas dan sedang di dalam proses untuk mendapatkan perkenan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong sebelum diwartakan untuk dikuatkuasakan.**

**Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia sememangnya telahpun mengambil beberapa langkah proaktif walaupun Akta tersebut masih belum berkuatkuasa melalui beberapa inisiatif dalam mengekang puak-puak pelampau ini khususnya yang terlibat dengan gerakan kumpulan pengganas militan *Islamic State* (IS). Antaranya adalah dengan mengadakan kerjasama dengan negara luar melalui perkongsian maklumat risikan berhubung individu-individu yang disyaki terlibat dengan aktiviti kumpulan pengganas militan IS. Hasil daripada perkongsian maklumat tersebut, pihak polis akan membuat pemantauan secara rapi ke atas mereka yang disyaki terlibat dengan kumpulan pengganas tersebut.**

**Di samping itu, nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak Jabatan**

**(Suspect List)** bagi mengesan pergerakan mereka di semua pintu masuk utama seluruh negara.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan **Advanced Passenger Screening System (APSS)** yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci.

Selain daripada itu, Kerajaan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium yang disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konsep jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan.

Pada masa yang sama, seiring dengan penggubalan Rang Undang-Undang Pencegahan Keganasan 2015, Kerajaan turut menggubal Modul Pemulihan khusus bagi meneutralisasikan kumpulan militan yang telah ditahan oleh pihak polis. Harapan Kerajaan adalah jelas untuk memimpin semula mereka ke pangkuhan masyarakat.